

## Air Munyammas

8 Apakah maksud air musyammas dan apakah hukum menggunakannya pada tubuh badan manusia dan binatang?

9 Air Musyammas adalah air yang dipanaskan di bawah cahaya matahari di dalam bekas yang boleh berkarat. Hukum menggunakannya pada anggota badan adalah makruh. Begitulah juga air yang dipanaskan dengan menggunakan api juga hukumnya makruh. Sekiranya air musyammas itu menjadi sejuk dengan sendirinya, hilanglah hukum makruhnya dan boleh digunakannya. Hukum makruh menggunakan air musyammas ini tidak hanya tertentu pada badan manusia sahaja, bahkan hukumnya meliputi binatang kerana ditakuti memberi mudarat kepada penyakit kulit.



## KENALI TOKOH

### Al Farabi

Nama sebenar beliau ialah Abu Nasr Muhammad bin Muhammad Bin Tarhan. Antara gelaran yang telah diberikan kepadanya ialah Abu Nasr, "al-Mu'allimun al-thani" (Guru Kedua). Namun panggilan yang paling masyhur adalah al-Farabi. Beliau telah dilahirkan pada sekitar tahun 257-339 Hijrah bersamaan dengan 870-950 Masihi di suatu tempat yang bernama Wasij dalam daerah Farab, Transoxiana, Turki.

Al-Farabi menjalani asas pendidikan berdasarkan dua disiplin yang besar iaitu pertamanya pendidikan awal di tempat sendiri di Farab dan yang kedua ialah ilmu pengetahuan yang ditimba sepanjang pengajiannya dan pengembaraannya di luar daerah Farab. Antara ilmu yang dipelajarinya pada tahap pertama ialah feqah, hadis, tafsir al-quran dan bahasa. Selain itu, al-Farabi juga menuntut ilmu fizik, matematik, astronomi dan juga muzik.

Antara karyanya yang terkenal ialah kitab "Fi Mabadi Ara' Ahl al-Madinah al-Fadilah" yang menjelaskan tentang Teori Kemasyarakatan dan Kenegaraan al-Farabi. Beliau turut memberi sumbangan dalam klasifikasi sains di dunia Islam dan beliau dianggap sebagai salah seorang classificatory permulaan yang paling berpengaruh yang diikuti oleh para ilmuan seterusnya. Klasifikasi sains yang dilakukan oleh al-Farabi itu sendiri lebih dikenali sebagai "Ihsha' Al-'Ulum" (Perincian Sains).

Pada tahun 339 H/950 Masihi, Khalifah Saifuddaulah hendak mengadakan ekspidisi ke Damascus. Al-Farabi, yang ketika itu telah berusia 90 tahun turut diajak sama, keadaannya yang uzur sangat tidak mengizinkan untuk menyertai perjalanan tersebut. Semasa dalam perjalanan, keadaan al-Farabi semakin lemah dan akhirnya beliau wafat sesampainya di Damascus. Ilmuan islam ini dimakamkan di Damascus di daerah Bab Ash-Shaghir berdekatan dengan makam Muawiyah iaitu khalifah Dinasti Umayyah.



Berkata Nasir bin sayyar:

Setiap perkara itu jika banyak akan jadi murah kecuali adab, kerana ia makin banyak makin mahal.

Ayuh kita meriahkan program kerohanian...

- Setiap Selasa dan Rabu- **KELAS TAHSIN AL QURAN**
- Setiap Khamis & Jumaat- **KELAS ASAS TAJWID MUSLIMAT**
- Khamis (minggu 1&4) - **DAURAH ILMU**
- Selasa (minggu kedua dan keempat)- **PENGAJIAN FARDHU AIN**
- Ahad- Khamis **BIMBINGAN AL QURAN INDIVIDU**
- Khamis - **RAWATAN ISLAM DARUL SYIFA'**
- Setiap Selasa bermula 10 Mac 2015 - **KELAS TALLAQQI AL QURAN DAN IQRA'**
- 27 Jumaat 2015 - **KURSUS HAJI BERSIRI**
- 29 Mac 2015- **BENGKEL MODAL INSAN MELALUI SELAWAT**
- Hubungi talian: 049282567/60/58/69/66/63

## Asas-Asas Akidah Islam

BIL 24/ 2015

### Pemilihan Rasul

#### Rasul Dilantik dari kalangan lelaki

Semua Rasul yang dipilih oleh Allah itu terdiri daripada kaum lelaki dan tidak daripada kaum perempuan. Firman Allah S.W.T yang bermaksud : "Dan tidaklah kami utuskan rasul-rasul sebelum dari engkau melainkan orang lelaki yang kami wahyukan kepada mereka dari penduduk negeri itu".

Tugas rasul sangat berat dan sangat tidak terpicul oleh kaum wanita, dan sekiranya tugas itu diberi kepada kaum wanita sudah tentu mereka tidak dapat menjalankan tugas menyeru manusia ke jalan yang benar, kerana ianya memerlukan pergaulan yang luas dan terpaksa menghadapi berbagai-bagai ancaman dari musuh-musuh yang menentanginya. Sebaliknya kaum lelaki mempunyai ketabahan hati dan kesanggupan menanggung penderitaan yang menimpa diri mereka untuk memikul tugas yang amat berat dari Allah S.W.T dengan menyampaikan wahyu-wahyu kepada manusia dan mengamalkannya sendiri disamping menunjukkan contoh tauladan yang baik kepada makhluk yang lain.

#### Rasul Dari Jenis Manusia

Sebagaimana yang kita maklum rasul yang diutuskan oleh Allah S.W.T semuanya terdiri dari jenis manusia dan tidak dari kalangan jin atau malaikat kerana beberapa sebab. Antara sebabnya:

1. Manusia adalah suatu makhluk yang dimuliakan oleh Allah S.W.T dari makhluk-makhluk yang lain. Kerana itu sangat sesuai Allah S.W.T memilih dan mengangkat segolongan dari manusia itu sendiri menjadi pesuruh untuk menyampaikan wahyu kepada manusia dan jin.
2. Supaya lebih senang bagi rasul untuk mengajar hukum-hukum kepada umatnya dan memberi contoh tauladan yang baik kepada mereka.
3. Manusia itu sendiri tentulah lebih mengetahui selok belok hal sesama manusia dari segi keperluan hidup makan minum dan sebagainya.

Sidang Redaksi

Pengarang:  
Unit Penerbitan,  
Penyelidikan dan Perundingan, Pusat Islam UUM  
Dengan kerjasama:  
Bahagian Hal Ehwal Masjid, Pusat Islam UUM  
04-9282563/64/6758

Wallahua'lam.



# HADITH PILIHAN

## Adab Melawat Orang Sakit atau Jenazah.

Dari Ummu Salamah RA katanya: Rasulullah SAW telah masuk menziarahi Abu Salamah sedang mata Abu Salamah terbuka, lalu Nabi SAW menutupnya, kemudian baginda bersabda: *Sesungguhnya roh apabila ia diambil oleh Malaikat akan diturut oleh pandangan mata (si mati itu), (mendengar yang demikian) sebahagian dari keluarganya riuh rendah (menangis dan menyebut-nyebut kemalangan yang mendukacitakan mereka), lalu Baginda SAW bersabda: Janganlah kamu menyebut-nyebut perkara-perkara yang buruk yang merosakkan kamu, tetapi sebutlah perkara-perkara yang baik, kerana Malaikat memohon supaya Tuhan kabulkan apa yang kamu katakan - baik atau buruk," kemudian Baginda SAW berdoa dengan sabdanya: Ya Tuhanku! Ampunkanlah dosa Abu Salamah dan tinggikanlah darjatnya bersama-sama orang yang mendapat hidayah pertunjuk, dan jadilah sebagai gantinya untuk mengurus dan melindungi keluarganya yang ditinggalkan, dan ampunkanlah bagi kami dan baginya Ya Rabbal alamin, dan lapangkanlah kuburnya serta berilah kepadanya cahaya yang menerangi kuburnya.*" (Riwayat Muslim)

Huraian Hadith:

- Adab menziarahi orang sakit dituntut supaya bawa bersama buah tangan, duduk berdekatan dengan pesakit, berkata atau berdoa perkara yang baik. Perkataan yang baik itu seperti mengikatkan supaya bertaubat di atas kesalahan yang lalu, bersangka baik dengan Allah, redho dengan ujian terhadapnya dan menghiburkan hati orang sakit dengan menyatakan sakitnya ringan atau akan sembuh.
- Manakala adab menziarahi jenazah iaitu dituntut supaya berdoa mohon keampunan bagi jenazah, memberi pertolongan kepada keluarga jenazah dalam urusan pengurusan jenazah, mengucapkan kata-kata yang boleh meringankan perasaan dukacita keluarga jenazah dan disunatkan memperbanyakkan membaca al-quran untuk disedekahkan pahalanya kepada jenazah.


## Info Tajwid

### SIFAT HURUF

#### 1. SIFAT BERLAWANAN

| BIL | SIFAT       | HURUF                              | CARA BACAAN  |
|-----|-------------|------------------------------------|--|
| 2.  | AL-SHIDDAH  | ب ت ج د ط ق ك ء                    | <b>Kuat</b> - Ketika menyebutnya suara tertahan disebabkan oleh tekanan pegangan huruf pada makhrjanya semasa menyebut hurufnya. |
|     | AL-RAKHAWAH | ا ث ح خ ذ ز س ش<br>ص ض ظ غ ق و ه ي | <b>Lembut</b> -Ketika menyebutnya suara terlepas dengan suara melonggar lembut disebabkan longgarnya tekanan kepada makhrjanya.  |

# INTISARI KHUTBAH



## PERBEZAAN PENDAPAT DAN PENTINGNYA MEMBUAT KEPUTUSAN

Ketahuilah bahawa agama Islam adalah agama yang menganjur kepada penyatuan dan persaudaraan, keamanan, kepercayaan, dan kejujuran. Agama Islam menghargai setiap pemikiran yang bijak dan pendapat yang baik kerana Islam menghormati hidup dan kehidupan, serta ajarannya yang meliputi segala hal. Berdasarkan pandangan ini, Islam menggalakkan umatnya berfikir berpandukan akal kerana berfikir dengan menggunakan akal beroleh keberkatan ilahi. Setiap pendapat berupaya untuk memperoleh keberkatan daripada Allah S.W.T dan akan diberikan pahala kepada orang yang memberi pendapat dengan yang niat mulia. Oleh kerana itu, jika mereka berniat untuk beramal baik, mereka akan mendapat balasan seperti itu dan jika mereka bertujuan untuk kebaikan, Allah S.W.T akan memberi mereka pahala seperti itu juga. Sebagaimana Allah S.W.T berfiman :

*"Dan kalaulah Tuhanmu menghendaki, tentulah Dia menjadikan umat manusia semuanya umat yang satu. Tetapi mereka sentiasa berselisih pendapat. Kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanmu, dan untuk itulah Allah menciptakan manusia".* ( Surah Hud ayat 118-119.)

Perbezaan pendapat kadang-kadang boleh merosakkan kedamaian. Akan tetapi Rasulullah S.A.W pernah menerima dua pendapat yang berbeza tentang hal yang sama dan memuji pemberi pendapat tersebut kerana baginda mengetahui kemahuan dan niat yang baik. Kisah perbezaan pendapat para sahabat r.a. dalam menafsirkan dan melaksanakan arahan Rasulullah S.A.W ini masyur di dalam kitab-kitab hadis, perbezaan pendapat tersebut iaitu ada yang solat asar sebelum sampai di kawasan Bani Quraizah kerana sudah masuk waktu asar manakala sahabat lain menunaikan solat asar apabila sampai di kawasan Bani Quraizah sepertimana pesanan Rasulullah S.A.W walaupun hampir luput waktu asar. Kedua-dua ijihad para sahabat yang berbeza itu tetap diakui kebenarannya oleh Rasulullah S.A.W.

Di sinilah kelihatan dua pendapat yang berbeza tetapi diterima oleh baginda Rasulullah S.A.W menggambarkan teladan yang ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W meraihan perbezaan pendapat tetapi asasnya terarah kepada sesuatu yang boleh membawa kebaikan kepada seluruh umat.